



FREE MARKET 2.0

Fuziatul Norsyiha Ahmad Shukri

“FREE MARKET 2.0” telah dianjurkan oleh Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED) UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 2 dan 3 Disember 2021 yang lalu. Program ini adalah kesinambungan daripada Free Market 1.0 yang berlangsung pada bulan Mei yang lepas. Jabatan Sains Komputer (JSKM) juga tidak melepaskan peluang untuk turut menyertai program ini seperti yang diminta oleh pihak MASMED bagi memeriahkan lagi program tersebut. Program ini bertujuan untuk memberi sumbangan kepada pekerja pembersihan atau “cleaner” iaitu kebanyakannya adalah daripada golongan asnaf dan B40 serta kepada warga UiTM yang berminat. Konsep program ini adalah mengumpul barangan terpakai yang masih elok dan disumbangkan kepada yang berminat secara percuma.

Seramai lebih kurang 30 orang ‘cleaner’ yang memperoleh manfaat daripada program ini dan juga segelintir pelajar yang berada di kampus ketika itu. Diharapkan program khidmat masyarakat sebegini akan diteruskan lagi supaya dapat memberi peluang kepada seluruh warga UiTM untuk menjalinkan hubungan yang baik tanpa mengira pangkat mahupun darjat. Disamping itu, diharapkan juga aktiviti yang dijalankan dapat memupuk rasa kasih sayang sesama insan dan sifat suka membantu antara satu sama lain.

